

PERHATILAH

Rasulullah (SAW) telah bersabda (maksudnya):

(Akan ada) dua golongan ahli neraka yang aku belum pernah melihat keadaannya (di dunia ini); pertama, kaum yang mempunyai cemeti-cemeti sebagai ekor lembu, mereka pacut manusia dengannya. Kedua, perempuan-perempuan yang berpakaian, tetapi telanjang, menggelengkan kepada orang yang melihatnya, mereka mengerak-gerakkan badan ketika berjalan, kepala mereka sebagai punggung unta yang bergerak, mereka tidak masuk syurga dan tidak mendapat bau syurga dan sesungguhnya bau syurga itu boleh didapati daripada perjalanan yang jauh. (Hadith Sahih Riwayat Ahmad)

Di dalam hadith ini Rasulullah (SAW) telah menerangkan bahawa nanti akan ada dua golongan manusia-satu pun yang zalim, yang menganiayai manusia, melakukan sekehendak hati, yang dikatakan memegang cemeti di tangannya menyebatkan ke mari, menganiaya dan mengganas. Banyak manusia mengeluh kerana zalim, aniaya dan melewati batas dan tidak mengenal kasihan. (Perhatikan contohnya atas buruh paksa di negara-negara komunis-P).

Yang kedua iaitu perempuan yang berpakaian tetapi telanjang, kerana pakaiannya terlalu tipis, tak menyedapkan mata; mereka berpakaian bukannya supaya pakaiannya menutup auratnya. Dipakainya pakaian-pakaian yang tipis yang secukup dengan badan upaya bawah dada dan angkut badannya terlihat nyata, dapat menawan pandangan umum terutama bagi pihak lelaki. Berang siap melihat gila dan gerak-gerinya akan menggelengkan kepala takjub dan hairan akan mengatakan: "Mengapa perempuan berpakaian demikian, yang di atas semakin ke bawah dan yang di bawah semakin ke atas sedang kehormatan tidak dipedulikan lagi-sungguh luar biasa!

Ketika berjalan kepala dan anggotanya bergerak laksana punggung unta kata Nabi-bukan gerak

yang didapati dari tabiat asalnya atau kejadian tetapi gerak yang dibuat-buat untuk menawan mata dan hati umum-pupamanya dengan memakai sepatu tumit tinggi yang dengan kerananya punggung ter naik dan perjalanannya sama seperti unta.

Sekianlah sabda Nabi sudahkah sampai masanya-masing-masing kita boleh memerhati sendiri mudah-mudahan kita kaum muslimin dijauhkan Allah saripada termasuk di dalam kedua-dua golongan yang tersebut golongan perempuan tadi-kata Nabi-tidak masuk syurga sedang bau syurga itu tidak didapati pada hal bau syurga itu boleh didapati dari perjalanan yang jauh.

Bukti atas perkara ini tidak payah dikaji atau difikirkan-persaksikanlah sendiri.

Kita mengakui bahawa segala kaca mata yang diperbuat oleh daripada sebaik-baik jenis yang diperolehi dan akan memberi cukup puas hati manakala digunakan sekiranya perbuatan kita tidak memuaskan hati tuan-tuan, kita bersedia mengganti dan memperbaikinya dengan tidak kena apa-apa bayaran. Apabila mengirimi kembali akan barang perbuatan kita Untuk diperbaiki -tolonglah sertakan sekali akan segala bahagian-bahagiannya yang rosak itu.



THE ORIENTAL OPTICAL Co.,

Head Office: 162, South Bridge Road,

Branch: 348, North Bridge Road,

SINGAPORE